



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia untuk mengisi kekosongan jawatan secara *Contract of Service* sebagaimana berikut:-

**SKIM JAWATAN** : **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **SISTEM MAKLUMAT (F)**

**TARAF JAWATAN** : **KONTRAK**

**GRED** : **F41**

<b>JADUAL GAJI</b>	<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>
	RM2,315.00	RM9,618.00	RM225.00

**ELAUN-ELAUN** : Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM 300.00

Imbuhan Tetap Perumahan RM 300.00

Imbuhan Bantuan Sara Hidup RM 300.00

**KEKOSONGAN** : **1 Kekosongan**

**SYARAT LANTIKAN** : Warganegara Malaysia

: Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

**KELAYAKAN LANTIKAN** :

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda Kepujian

Bidang / Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

Gaji Permulaan : F41 : RM2,315.00

**ATAU**

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda  
Bidang / Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
Gaji Permulaan : F41 : RM2,522.44

**ATAU**

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana  
Bidang / Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
Gaji Permulaan : F41: RM2,833.78

**ATAU**

Kelayakan Masuk : Ijazah Doktor Falsafah (PhD)  
Bidang / Kelayakan Khusus : Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
Gaji Permulaan : F41 : RM3,145.11

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu : Kepujian di peringkat SPM / SVM

**DAN**

Bidang Kelayakan Akademik : Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer

## DAN

Syarat Tambahan

- :
  - 1. Mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam data raya dan data terbuka merangkumi proses manipulasi data, analitis data, migrasi data, permodelan data, integrasi dan reka bentuk data raya serta perlombongan data.
  - 2. Kemampuan menganalisa data dan menghasilkan visualisasi produk data.
  - 3. Mempunyai kemahiran dan pengetahuan berkaitan pengurusan pengetahuan dan maklumat digital.
  - 4. Mempunyai pengetahuan asas dalam persekitaran analitis data seperti Hadoop/Apache Spark/MongoDB/Hortonworks dan pengaturcaraan analisis data seperti R/Python.
  - 5. Mempunyai kemahiran dalam menguruskan data dan maklumat, permodelan data serta platform perkongsian data.
  - 6. Mempunyai kebolehan dalam menganalisa persekitaran, perkongsian maklumat dan menyediakan arkitektur bisnes, maklumat dan teknologi berkaitan.
  - 7. Mempunyai sijil profesional dalam Sains Data, Analitik Data atau lain-lain berkaitan pengurusan maklumat digital adalah satu kelebihan.
  - 8. Mempunyai pengetahuan berkaitan teknologi terkini seperti *Internet of Things*, Kepintaran Buatan, pembelajaran mesin (*Machine Learning*), *Quantum Computing*, *Edge Computing* dan *Blockchain*.
  - 9. Mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam merancang dan mengurus projek-projek ICT termasuk membuat anggaran kos, penggunaan sumber dan teknologi.
  - 10. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran menganalisa keperluan pengguna dan kehendak pembangunan sistem sesebuah agensi serta mempunyai kemahiran komunikasi yang sangat baik.

11. Mempunyai pengetahuan dalam pengurusan kitaran hayat pembangunan sistem dan pangkalan data serta kejuruteraan perisian serta mempunyai pengetahuan asas pengurusan projek ICT dan pengurusan pembangunan sistem.
12. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam membangunkan sistem berasaskan web menggunakan PHP dan MySQL.
13. Mempunyai pengetahuan menggunakan PHP Framework seperti Laravel, CodeIgniter, CakePHP, Yii adalah satu kelebihan.
14. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Framework seperti NodeJs, VueJs, React, Angular dan Bootstrap.
15. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan aplikasi mudah alih yang menggunakan Flutter, Ionic, Xamarin, PhoneGap adalah kelebihan.
16. Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan Javascript, HTML dan CSS.

## CARA MEMBUAT PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MEDIA DIGITAL JOHOR

1. Permohonan hendaklah dengan dilakukan secara dalam talian di <https://jawatan.johor.gov.my>
2. **TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 4 September 2022, 10.00 PAGI**  
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 13 September 2022, 11.00 MALAM**
3. **Catatan Am :**
  - i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan /senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
  - ii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan **dipanggil temuduga**, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, **secara fizikal**.
  - iii. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga
  - iv. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
  - v. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.
  - vi. Semua permohonan hendaklah disertakan salinan semakan pengiktirafan Sijil/ Diploma/ Ijazah daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/mqr>